



KENYATAAN MEDIA

SSM LANCAR *ELECTRONIC BENEFICIAL OWNERSHIP SYSTEM* UNTUK SERAH SIMPAN MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL SYARIKAT

Kuala Lumpur, 1 April 2024 – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini telah melancarkan sebuah sistem baharu iaitu *Electronic Beneficial Ownership System (e-BOS)*, bertujuan untuk menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial syarikat.

Pelancaran e-BOS ini adalah sejajar dengan kewajipan syarikat untuk mengenal pasti, memperoleh, merekod, mengemaskini dan menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial dengan Pendaftar seperti yang digariskan di dalam '*Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Companies*' berkuatkuasa 1 April 2024. e-BOS boleh diakses melalui pautan ssm4u.com.my manakala '*Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Companies*' boleh diakses di Portal Rasmi SSM, www.ssm.com.my.

Dengan pelancaran e-BOS, tempoh peralihan yang diperkenalkan pada 1 Mac 2020 melalui '*Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons*' telah dimansuhkan selari dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 pada 1 April 2024.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan melalui e-BOS adalah notifikasi maklumat pemunyaan benefisial atau pengurusan kanan serta rektifikasi maklumat pemunyaan benefisial atau pengurusan kanan.

Sila layari portal rasmi SSM di pautan, www.ssm.com.my untuk maklumat lanjut mengenai tatacara serah simpan dan manual panduan pengguna.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklumbalas, SSM *Chatbot*, *Live Chat* SSM yang boleh diakses melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.

DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
TARIKH: 1 APRIL 2024